

## NEWS CLIPPING

Event	KERJASAMA PASAR MAKANAN SEJUK BEKU
Publication	HARIAN METRO
Page/ Section	
Date	28 APRIL 2016
Time	

### Kerjasama pasar makanan sejuk beku

**Kuala Lumpur:** 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd (7-Eleven Malaysia), pengendali rangkaian kedai serbaneka terkemuka menandatangani perjanjian persefahaman dengan Brahim's SATS Holdings Food Services Sdn Bhd (BSFS), anak syarikat Brahim's Holdings Berhad (BHB) bagi membolehkan katerer halal dalam pesawat itu meluaskan pasaran melalui 2,000 kedai serbaneka 7-Eleven di seluruh negara.

Melalui perjanjian itu, BSFS diberi hak mengeluarkan paket makanan sejuk beku sedia dimakan (RTIE) untuk 7-Eleven seperti sandwich panini, nasi lemak dan nasi goreng yang akan diletakkan di bawah jenama perkhidmatan makanan &-Eleven iaitu 'Fresh to Go'.

Ketua Pegawai Eksekutif 7-Eleven Gary Brown berkata, usaha perluasan siri pakej makanan itu akan dilaksanakan secara berperingkat dan syarikat menyata-



BROWN (kanan) bertukar dokumen perjanjian dengan Ainul Hasnizam selepas menandatangani perjanjian di Sepang, baru-baru ini.

perintis di Lembah Klang untuk memasarkannya bulan ini sebelum diluaskan di pasaran sekitar dan negeri lain seperti Pulau Pinang.

"Kami memberi fokus kepada kerjasama ini dan percaya makanan serta minuman segar adalah langkah penting dalam strategi jangka panjang kami.

"Kami akan mempelbagaikan pilihan mak-

nyediakan makanan tradisional seperti bihun goreng, bebola ikan, bebola nasi Jepun, salad, burger dan pasta," katanya pada majlis me-

ndatangani perjanjian di sini, baru-baru ini.

Perjanjian itu ditandatangani Brown mewakili 7-Eleven Malaysia dan Ketua Pegawai Eksekutif BSFS, Ainul Hasnizam Abu Hassan.

#### Gary Brown

Ketua Pegawai Eksekutif 7-Eleven



**Kami memberi fokus penuh kepada kerjasama ini dan percaya makanan serta minuman segar adalah langkah penting dalam strategi korporat jangka panjang kami, sekali gus memberi kemudahan setiap masa kepada pelanggan"**



